

## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	3/1/2020	MUKA SURAT	: 40
JABATAN	:	SPAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

# Ranhill SAJ giat pulih bekalan air

**Kakitangan ambil sampel dari Sungai Muar dipercayai dicemari ammonia**

Oleh Badrul Kamal Zakaria  
badrulkamal@bh.com.my

**Muar:** Syarikat penyedia bekalan air Johor, Ranhill SAJ kini giat berusaha memulihkan semula bekalan air membabitkan kira-kira 35,000 penduduk di sekitar daerah ini selepas berlaku kemerosotan kualiti air mentah di Sungai Muar sejak petang kelmarin.

Tinjauan *BH* di beberapa loji pengamblan air mentah di Sungai Muar mendapati beberapa kakitangan Ranhill SAJ giat mengambil sampel air dari sungai berkenaan yang dikesan mengandungi bacaan ammonia yang tinggi. Difahaman, pemeriksaan juga dilakukan di sepanjang sungai itu bagi mengesan punca sebenar bahan kimia terbabit berada dalam

sumber air mentah penduduk.

Selain itu, *BH* difahamkan satu pasukan Ranhill SAJ membabitkan pakar kimia dan pakar kualiti air dari ibu pejabat kini giat memantau keadaan pencemaran itu di Loji Rawatan Air (LRA) Panchor 3 yang turut mempunyai kemudahan makmal dan pejabat lengkap.

Sumber memberitahu, setakat ini punca pencemaran ammonia di sungai itu bukan datang dari Muar, sebaliknya daerah lain yang masih belum dikenal pasti.

Untuk rekod, Sungai Muar sepanjang kira-kira 285 kilometer bermula dari muaranya di bandar ini manakala bahagian hulunya terletak di Tasik Talang, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Ranhill SAJ dalam satu kenyataan berkata, bekalan air LRA Panchor 3 berkurangan 20 peratus akibat penurunan kualiti air mentah dari Sungai Muar.

Siasatan Ranhill SAJ menunjukkan paras ammonia lebih 2.5 ppm hingga menjejaskan operasi LRA Panchor 3 berikutan ia tidak boleh beroperasi pada tahap maksimum.

Antara kawasan terjejas akibat



**Penduduk memulihkan air di dalam tong yang dibawa lori tangki Ranhill SAJ bertukar bekalan air terputus akibat pencemaran ammonia di Sungai Muar.**  
(Foto Adi Safri/BH)

kejadian itu ialah Pekan Bakri, Kampung Baru Bakri, Parti Haji Zin, Parti Haji Nor, kawasan perindustrian Bakri dan Jalan Air Hitam, sekali gus menjejaskan kira-kira 35,000 pengguna di daerah berkenaan.

Sementara itu, Pengerusi Jawa-tankuasa Perdagangan Antara-

bangsa, Pelaburan dan Utiliti negeri, Jimmy Puh Wee Tse, berkata pihak Badan Kawal Selia Air Negeri Johor (BAKKAJ) dan Ranhill SAJ mengadakan mesyuarat semalam untuk membincangkan usaha memulihkan bekalan di kawasan terjejas.

Katanya, maklumat terkini akan disalurkan selepas mesyuarat dilaksanakan dan situasi terkini masih dalam keadaan stabil. "Saya berharap pengguna dapat bersabar dengan keadaan yang berlaku kerana pihak terbabit kini bekerja memastikan bekalan di kawasan terjejas pulih sepenuhnya," katanya.